



**MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

1. **SKIM PERKHIDMATAN** : PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29
  - (a) **KLASIFIKASI** : KEWANGAN
  - (b) **KEMENTERIAN / JABATAN** : MAJLIS PERBANDARAN MUAR
  - (c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA
  - (d) **GRED** : W29
  - (e) **KEKOSONGAN** : 1 (SATU)
  - (f) **TARAF JAWATAN** : TETAP
  
2. **JADUAL GAJI JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM** : RM1,498.00- RM5,678.00
  
3. **SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a. warganegara Malaysia;
  - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - i. Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,510.92)**; atau
    - ii. Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,510.92)**; atau
    - iii. Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,851.28)**
  
4. **SYARAT BAHASA MELAYU** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a. i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau  
ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- b. had umur pelantikan:
  - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 6. PERMOHONAN:

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan Perintah Am Bab A Bil.18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi 3 tahun terkini;
- (b) Permohonan hendaklah disertakan '**video resume**' yang berdurasi tidak lebih dari 3 minit dalam bentuk *softcopy*. Garis panduan penyediaan '**video resume**' adalah sebagaimana berikut :
  - a) Video tersebut hendaklah menggunakan suara pemohon sebenar.
  - b) Kandungan video tersebut hendaklah merangkumi sebahagian besar perkara-perkara di bawah;
    - i. Ringkasan latar belakang pemohon
    - ii. Ringkasan latar belakang keluarga pemohon
    - iii. Ringkasan pengalaman kerja pemohon
    - iv. Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon
    - v. Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon
    - vi. Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon
    - vii. Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
    - viii. Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
    - ix. Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
    - x. Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon
    - xi. Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
    - xii. Video hendaklah dihantar melalui email kepada urus setia di alamat **hr.mpmuar@gmail.com**. Sila pastikan video yang dihantar mempunyai nama pemohon, no. KP dan jawatan yang dipohon.

- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (d) Sebarang usaha untuk membuat penghantaran dokumen **SELEPAS** borang dihantar / tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (e) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Majlis Perbandaran Muar iaitu : [www.mpmuar.gov.my](http://www.mpmuar.gov.my) atau di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada hari bekerja sahaja sepanjang hari Ahad hingga Rabu dari jam 08.30 pagi hingga 4.30 petang, dan hari Khamis dari jam 08.30 pagi hingga 03.00 petang dengan bayaran RM 1.00/set. Sila sertakan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan salinan yang telah disahkan semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan;
- (f) Sila kembalikan surat pengiktirafan akreditasi bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil yang boleh diakses di laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> dan dilampirkan bersama borang permohonan.
- (g) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian bertulis dan temuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (h) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada:

YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
KARUNG BERKUNCI NO. 516  
84009 MUAR  
(u.p : Bahagian Sumber Manusia)

**7. TARIKH AKHIR PERMOHONAN : 21 SEPTEMBER 2024**